

07 FEB 2003

Kadir-Kenangan

ULANG TAHUN KELAHIRAN KE-100 KENANG JASA DAN PENGORBANAN TUNKU

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Majlis keagamaan memperingati ulang tahun kelahiran ke-100 bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra akan diadakan serentak di seluruh negara bermula esok.

Majlis yang turut disertai oleh penganut agama lain bertujuan memperingati jasa dan perjuangan almarhum menuntut kemerdekaan tanpa mengorbankan nyawa dan pertumpahan darah di Tanah Melayu ketika itu.

Selain majlis tahlil, pelbagai program lain juga diatur dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Arkib Negara dan Memorial Tunku Abdul Rahman.

Sambutan ini akan berlangsung selama sebulan bagi membolehkan generasi muda hari ini mengenali dengan lebih dekat lagi tokoh dan negarawan yang menjadi sanjungan rakyat.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata kebijaksanaan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang memilih demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sebagai dasar negara, beliau berjaya menyatupadukan rakyat yang pada ketika itu saling tidak mempercayai antara satu sama lain.

"Oleh kerana dasar-dasar ini, maka kita telah pun ada kerajaan yang berjaya hingga sekarang," katanya kepada Bernama selepas mempengerusikan mesyuarat sempena sambutan ulang tahun kelahiran Almarhum Tunku di sini.

Beliau berkata dengan ketokohan dan perjuangan Tunku juga, beberapa pemimpin selepas beliau dapat meneruskan usaha bagi membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Diputerakan pada 8 Feb 1903 di Alor Setar, Tunku merupakan anak ke-20 Sultan Abdul Hamid Halimshah iaitu Sultan Kedah yang ke-24. Tunku menerajui pemerintahan negara dari tahun 1955 sehingga tahun 1970 sebagai Ketua Menteri dan selepas kemerdekaan negara pada 1957, dipilih sebagai Perdana Menteri.

Sempena memperingati ulang tahun kelahiran Almarhum Tunku Abdul Rahman yang ke-100, Arkib Negara akan menerbitkan sebuah buku yang mengandungi lima siri ucapan beliau ketika menjadi Perdana menteri.

Selain lima siri ucapan tersebut, Arkib Negara juga akan terus menerbitkan siri ucapan beliau yang lain untuk dijadikan rujukan kepada generasi muda terhadap usaha dan pengorbanan Tunku dalam usaha membentuk sebuah negara yang berdaulat.

Antara siri ucapan yang akan diterbitkan itu ialah ucapan beliau sebagai Yang Dipertua Umno Malaya pada 21 Ogos 1951, di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, ucapan ketika persidangan Agung Umno di Melaka pada 5 April 1953 dan ucapan ketika pengumuman hari kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

Sebuah Video Cakera padat (VCD) yang mengandungi kisah zaman kanak-kanak, zaman persekolahan, keluarga, penglibatan dalam politik dan saat-saat akhir hayat almarhum juga akan diterbitkan untuk dijadikan bahan rujukan.

Sementara itu, Pos Malaysia Berhad pula akan mengeluarkan setem pos kenang-kenangan dan sampul surat hari pertama serta sekeping lembaran mini yang masing-masing mengandungi gambar Tunku Abdul Rahman.

Sempena sambutan ulang tahun kelahiran beliau yang ke-100 ini, satu majlis makan malam akan diadakan bagi mengutip derma untuk tabung Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pada 28 Feb ini.

Majlis makan malam ini akan dibiayai melalui penjualan meja makan dengan harga RM3,000 hingga RM4,000 untuk 10 orang, dan dijangkakan sebanyak 70 buah meja akan dapat dijual pada malam itu.

Acara kemuncak pada malam tersebut ialah penyampaian Anugerah Pingat Tunku 2003 kepada 11 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mencapai prestasi akademik yang cemerlang dalam bidang sains dan teknologi, aktif dalam persatuan dan mempunyai potensi kepimpinan.

Mereka akan menerima pingat emas, sijil Amanah Saham Malaysia (ASM) bernilai RM1,000 dan sijil penghargaan.

Acara lain yang telah diatur sempena memperingati ulang tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman ialah sebuah seminar bertajuk "Seminar Memperingati 100 tahun kelahiran Almarhum Tunku Abdul Rahman : Bapa Kemerdekaan dan Pengasas Perpaduan Kaum".

Seminar anjuran bersama kementerian Kebudayaan, Kesenian dan pelancongan dengan Arkib Negara ini, dijangka akan dihadiri 500 orang terdiri daripada ahli akademik, pegawai kerajaan, ahli politik, wartawan dan para pelajar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada majlis perasmian seminar tersebut, esok.

Pertandingan menulis esei peringkat nasional pula terbuka kepada tiga kategori iaitu pelajar IPTA dan maktab, pelajar sekolah menengah atas dan menengah rendah.

Pertandingan anjuran bersama Arkib Negara dan Utusan Melayu (M) Berhad ini menawarkan hadiah wang tunai mengikut kategori dan 30 hadiah saguhati iaitu 10 untuk setiap kategori dan wang tunai RM100 setiap seorang.

-- BERNAMA
LIB AHH LAT